

PM mahu media utama kestabilan, perpaduan

BH- 29/01/2007

Editor, wartawan perlu patuhi panduan elak sentuh isu sensitif

Laporan Azman Zakaria dan Anwar Hussin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu media massa sentiasa bertanggungjawab dengan mengambil kira aspek kestabilan negara, kesejahteraan dan keharmonian hidup rakyat berbilang bangsa serta agama dalam melaporkan sesuatu berita.

Sambil melahirkan penghargaan terhadap media massa negara ini yang umumnya bertanggungjawab dalam perkara itu, Perdana Menteri berkata, sikap seumpama itu dapat membantu kerajaan mengekalkan keamanan serta keharmonian penduduk.

“Peranan media dan kerajaan mesti saling melengkapi untuk memajukan bangsa dan negara. Tanpa kerjasama dan persefahaman antara kerajaan dan pengamal media, sudah tentu negara tidak akan maju seperti sekarang.

“Tanpa rasa tanggungjawab pihak media terutama editor, wartawan serta pemilik media itu sendiri, sudah tentu keamanan serta perpaduan kaum di negara ini seperti dikecapi sekarang, tidak berlaku,” katanya ketika merasmikan persidangan Media Massa 2007 anjuran Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KKDN), di sini, semalam.

Seminar dua hari berakhir hari ini dihadiri 500 pengamal media, ilmuwan dan pegawai kerajaan itu bertemakan ‘Media Beretika Pendorong Pencapaian Aspirasi Negara.’

Hadir sama kedua-dua timbalannya, Datuk Johari Baharum dan Datuk Fu Ah Kiow serta Ketua Setiausaha Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof.

Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata, sejarah membuktikan media massa membantu dari peringkat awal perjuangan negara mencapai kemerdekaan, menentang penguasaan komunis, konfrontasi dengan Indonesia, tragedi 13 Mei dan pergolakan parti politik seperti Umno, MCA dan MIC,



TANDA INGATAN: Abdullah menerima cenderamata daripada Fu (dua dari kanan) sambil diperhatikan Johari (kiri) dan Abdul Aziz selepas merasmikan Persidangan Media Massa 2007 anjuran KKDN, di Kuala Lumpur, semalam.

membawa kesan hebat kepada politik dan masa depan bangsa serta negara yang hendak dibentuk.

“Pada masa itu, jika kita baca sejarah, media kita memainkan peranan sebagai media yang bertanggungjawab. Jika tidak, porak peranda (dalam negara) lebih hebat lagi... jika tidak, kita berada dalam pergelutan dan kelam kabut,” katanya.

Beliau berkata, editor, wartawan

“Peranan media dan kerajaan mesti saling melengkapi untuk memajukan bangsa dan negara”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

dan pengamal media yang kini sebahagian besarnya adalah golongan yang lahir selepas merdeka, perlu memahami sejarah kerana pengajaran daripadanya adalah hebat dan amat bermakna.

Perdana Menteri berkata, media tentunya mahu membuat penulisan dan komentar berdasarkan apa dilihat, tetapi kadang kala lupa keprihatinan rakyat terhadap kestabilan dan keharmonian kaum sehingga terketus tindakan mengikut perasaan, semata-mata ingin menyiarkan berita menarik ramai.

“Dalam menentukan semua ini, kita mesti ada panduan dalam mengambil tindakan sama ada sesuatu berita itu hendak dimasukkan ke muka depan, dilenyapkan, dibesarkan ataupun dihentam dan mempromosikan individu, tertentu,” katanya.

Beliau berkata, adalah penting untuk kerajaan memberi respons pada

masa sesuai, sama ada untuk memberi masa kepada rakyat memberikan reaksi ataupun mengambil tindakan segera bagi mengelak ‘api kecil membesar sehingga tidak mudah dipadamkan.’

“Dalam banyak hal, media massa kita bertanggungjawab, saya ucap terima kasih,” katanya sambil mengingatkan pengamal media perlu menentukan sekatan yang relevan berdasarkan situasi kerana sebenarnya tiada kebebasan mutlak, termasuk dalam media.

Sementara itu, malam tadi, Abdullah meraikan pengamal media tempatan pada Majlis Makan Malam Media Massa 2007 anjuran KKDN di Hotel Palace of The Golden Horses di Seri Kembangan, dekat sini.

Beliau turut meraikan kakitangan kementerian berkenaan yang menyaksikan beberapa wakil media membuat persembahan.